



**KENYATAAN MEDIA
KETUA PENGARAH IMIGRESEN MALAYSIA
TARIKH: 9 FEBRUARI 2015**

**PEMAKLUMAN MENGENAI TEMPOH MORATORIUM BAGI
URUSAN PAS PENGGAJIAN ESKPATRIAT
DI JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA**

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sedang menambah baik Sistem Khidmat Ekspatriat (ESD) bagi urusan pas pengajian ekspatriat di negara ini. Oleh itu satu **tempoh moratorium** atau penangguhan sementara daripada sebarang tindakan disebabkan *overstay* akan diberikan kepada ekspatriat terbabit, berkuat kuasa mulai **10 Februari hingga 31 Mei 2015**.

2. Dalam tempoh moratorium ini pengeluaran **Pas Khas (Gratis)** akan diberikan atas sebab-sebab berikut:

- (i) memohon Pas Khas kali kedua sementara menunggu keputusan daripada JIM;
- (ii) menunggu keputusan terhadap proses pendaftaran syarikat secara dalam talian; dan
- (iii) menunggu urusan naziran selesai dilaksanakan oleh JIM.

3. Pihak syarikat dikehendaki membawa surat **Akuan Penerimaan** yang dikeluarkan oleh JIM bagi mendapatkan Pas Khas (Gratis) berkenaan di Bahagian ESD, JIM.

4. Tempoh moratorium ini tidak terpakai bagi sebab-sebab selain di perenggan 2 di atas. Maklumat lanjut boleh disemak di laman web JIM www.imi.gov.my atau www.esd.imi.gov.my

Sekian, terima kasih.

**DATO' MUSTAFA BIN HJ. IBRAHIM
KETUA PENGARAH IMIGRESEN
MALAYSIA**